

**Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR**  
**Tempat : KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGU DAN PENGURUSAN MALAYSIA (KUTPM)**  
**Tarikh : 15 FEBRUARI 2003**  
**Tajuk : UCAPTAMA DI FORUM NAM: "NAM: ISU DAN MASA DEPANNYA"**

YBhg. Prof. Dato' Mohd. Shukri Ab. Yazid  
Presiden  
Lembaga Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia

Yang dihormati Saudara Presiden  
Majlis Perwakilan Pelajar Kolej  
Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM)

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk

Tuan-tuan dan Puan-puan dan

Para Pelajar yang dihormati sekalian

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Lembaga dan Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia di atas kesudiannya menjemput saya untuk merasmikan Forum NAM di Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia. Forum ini akan memberi peluang kepada para peserta untuk bertukar maklumat dan pendapat mengenai kemajuan NAM dan peranan yang boleh dimainkan oleh Pergerakan tersebut dalam menghadapi dan menangan pelbagai cabaran semasa. Saya percaya masyarakat dunia akan memberi tumpuan penuh kepada Sidang Kemuncak NAM ke-XIII yang akan berlangsung di Kuala Lumpur beberapa hari lagi berikutan suasana politik antarabangsa yang tidak menentu ketika ini.

2. Pergerakan Negara-negara Berkecuali atau lebih dikenali sebagai NAM (Non-Aligned Movement) telah ditubuhkan pada tahun 1961, ketika kemuncak Perang Dingin. Ia diilhamkan hasil daripada luahan sentiment Sidang Pertama Afro-Asia di Bandung, Indonesia pada bulan April 1955 di atas daya inisiatif pemimpin Yugoslavia, Presiden Tito; Perdana Menteri Nehru daripada India, Presiden Nasser daripada Egypt, Presiden Soekarno daripada Indonesia dan Presiden Nkrumah daripada Ghana. Penubuhan Pergerakan ini bertujuan menjaga kepentingan negara-negara sedang membangun dan yang baru merdeka daripada terlibat dalam perang dingin dan konfrontasi di antara dua kuasa besar dunia ketika itu – Amerika Syarikat dan Soviet Union, demi untuk menjaga kemerdekaan dan kedaulatan politik mereka.

3. Persidangan Pertama Ketua-ketua Negara / Kerajaan NAM telah diadakan pada 1 September 1961 di Belgrade, Yugoslavia. Bermula dengan hanya 25 buah negara anggota, NAM kini dianggotai oleh sebanyak 114 buah negara membangun dari rantau-rantau Afrika, Asia, Amerika Latin dan Eropah, iaitu hampir 2/3 daripada jumlah negara-negara anggota PBB (iaitu 191 negara). Keanggotaan NAM akan bertambah kepada 116 buah negara dengan memasukkan Timor Leste dan St.

Vincent and the Grenadines ke dalam NAM pada Sidang Kemuncak Ke-XIII NAM ini. Selain daripada itu, 16 buah negara pemerhati, 7 buah Pertubuhan Pemerhati, 31 buah Negara Tetamu dan 42 buah Pertubuhan Tetamu dijangka akan turut hadir di Sidang Kemuncak NAM ini.

4. Malaysia telah diterima masuk sebagai anggota NAM pada bulan September 1969 dan telah buat pertama kali menyertai Sidang Kemuncak NAM K-3 di Lusaka, Zambia pada 8 – 10 September 1970.

5. Mengikut amalan lazim, Sidang Kemuncak NAM diadakan sekali dalam masa tiga tahun. Semenjak penubuhannya 41 tahun yang lalu, NAM telah mengadakan sidang kemuncaknya sebanyak 12 kali. Sidang Kemuncak NAM terakhir telah diadakan di Durban, Afrika Selatan pada tahun 1998.

6. Sidang Kemuncak NAM diadakan bertujuan, antara lain, untuk memberi ruang atau platform kepada pemimpin tertinggi negara-negara anggotanya untuk merangka tindakan dan maklumbalas terhadap berbagai perkembangan kritikal semasa dalam bidang politik, ekonomi dan social antarabangsa serta isu-isu lain yang penting kepada negara-negara membangun. Ianya juga akan memberi ruang kepada para pemimpin NAM menilai status dan pelaksanaan keputusan-keputusan NAM yang telah dicapai dalam Persidangannya yang lalu.

7. Malaysia telah memilih tema "Continuing the Revitalisation of NAM" ataupun "Meneruskan Penyeburan Semula Pergerakan Negara-Negara Berkecuali" sebagai mengakui hakikat bahawa NAM perlu meneruskan usaha dan inisiatifnya untuk memastikan ia dapat berperanan sebagai sebuah badan yang berkesan dan cekap di persada hubungan antarabangsa. NAM perlu menggubal langkah dan pendekatan yang akan memastikan ia dapat berperanan sebagai sebuah badan yang bersatu padu, berkesan dan cekap dalam memperjuang dan mempertahankan kepentingan dan hasrat negara-negara membangun. Inisiatif untuk menyuburkan semula NAM merupakan isu utama yang mendapat perhatian negara-negara anggotanya sejak kebelakangan ini. Perkara ini menjadi agenda utama perbincangan sewaktu Sesi Percambahan Fikiran Peringkat Menteri Mengenai Peranan NAM pada Abad ke-21 di Cape Town pada bulan Disember lepas. Inisiatif ini perlu diteruskan oleh Malaysia bagi menentukan NAM melengkapkan dirinya dengan new "tools dan mechanisms" untuk menghadapi cabaran-cabaran pada abad ke-21.

8. Pemilihan tema ini juga secara tidak langsung menggambarkan bahawa inisiatif untuk menyuburkan semula NAM menuntut negara-negara anggotanya untuk masing-masing melakukan "self-introspection" tentang (a) apakah sebenarnya yang mereka mahukan daripada NAM; (b) setakat manakah komitmen mereka terhadap prinsip dan objektif NAM. Dalam masa yang sama, negara-negara NAM juga harus menjelaskan; (c) bagaimanakah mereka berhasrat untuk menyumbang kearah usaha memperjuang dan mempertahankan prinsip dan objektif NAM secara keseluruhannya.

9. Apakah isu-isu yang akan menjadi agenda perbincangan utama semasa Sidang Kemuncak NAM ke-XIII ini? Sebagai tuanrumah, kita berharap Sidang Kemuncak

NAM ke-XIII akan menumpukan perbincangan keatas tema "Continuing the Revitalisation of NAM". Secara khususnya, ia merujuk kepada perbincangan mengenai isu-isu berbentuk peningkatan keorganisasian dan methodology NAM. Dari segi isu-isu substantive pula, di samping isu-isu tradisional yang sering mendominasi perbincangan NAM seperti keamanan dan keselamatan antarabangsa, penyelesaian persengketaan secara aman, perlucutan senjata, penyahjajahan (decolonization) dan hak penguasaan "right to self-determination", Sidang Kemuncak NAM tidak dapat lari daripada membincangkan isu-isu semasa seperti (a) perkembangan di Timur Tengah, khususnya Palestine dan Iraq; (b) anasir-anasir yang mengancam keselamatan sejagat seperti terrorisme (keganasan), pencerobohan, pembaharuan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tindakan unilateral serta pelanggaran undang-undang antarabangsa; (c) pembangunan dan keselamatan manusia seperti pembasmian kemiskinan, pembangunan sumber manusia, peningkatan kemampuan dalam bidang kesihatan dan pendidikan, AIDs, menghormati hak asasi manusia serta amalan urustadbir, ketulusan dan demokrasi yang baik; dan (d) globalisasi dan kerjasama Selatan-Selatan. Sidang Kemuncak ke-XIII NAM juga diharapkan dapat memutuskan kaedah untuk mengukuhkan lagi semangat kesepaduan ataupun solidariti di kalangan negara-negara anggota NAM.

10. Sidang Kemuncak Ke-XIII NAM dijangka akan menerima dan mengesahkan dua dokumen utama iaitu "Deklarasi Kuala Lumpur" (Kuala Lumpur Declaration) dan "Dokumen Muktamad" (Final Document). Dokumen Muktamad merangkumi pendirian NAM mengenai isu-isu antarabangsa semasa, termasuk isu-isu ekonomi dan social. Deklarasi Kuala Lumpur pula, yang diasaskan kepada tema Sidang Kemuncak NAM ke-XIII, akan mengandungi langkah-langkah khusus untuk mempertingkatkan lagi peranan dan keberkesanan NAM serta meneruskan kesinambungannya sebagai sebuah Pergerakan yang mewakili kepentingan negara-negara membangun.

11. Apakah NAM masih relevan dalam keadaan dunia semasa? Seperti yang telah saya sebut di awal tadi, NAM telah ditubuhkan ketika kemuncak Perang Dingin dan penubuhannya pada keseluruhannya dipengaruhi oleh perkembangan era tersebut. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna samasekali bahawa kewujudan NAM adalah hanya untuk memberi "response" kepada pergolakan dan persoalan-persoalan yang mendominasi era Perang Dingin. Ini adalah kerana objektif NAM adalah lebih luas daripada itu seperti yang dijelaskan dalam sepuluh prinsip panduannya (10 Guiding Principles of NAM) yang merangkumi isu-isu keselamatan dan keamanan antarabangsa, ekonomi dan pembangunan social dan kemanusiaan serta undang-undang antarabangsa. Oleh yang demikian, meskipun Perang Dingin telahpun berakhir seperti yang didakwa, ini tidak samasekali bermakna bahawa NAM juga harus berkubur begitu sahaja memandangkan masih banyak lagi objektifnya yang masih belum dicapai.

12. Sebagai contoh, pada tahun-tahun awal penubuhannya, terdapat tidak isu yang mendapat focus utama NAM yang disingkatkan sebagai "the three D's" iaitu Decolonisation (Penyahjajahan), Development (Pembangunan) dan Disarmament (Perlucutan Senjata). Sehingga ke har ini, isu-isu "Three D's" ini masih lagi relevan berikutan objektif yang ditetapkan bagi setiap isu tersebut masih belum dicapai. NAM perlu berusaha dengan lebih gigih lagi bagi mencapai objektif-objektif tersebut demi keamanan dan kesejahteraan dunia masa hadapan. Malaysia berpendirian bahawa

NAM masih lagi relevan sebagai sebuah badan yang mewakili kepentingan dan hasrat negara-negara membangun.

13. Sebagaimana yang kita sedia maklum, situasi antarabangsa sejak kebelakangan ini telah menyaksikan suatu perubahan yang begitu ketara yang memberi kesan secara langsung atau sebaliknya kepada negara-negara membangun. Perkembangan ini jelas terbukti menerusi dasar dan tindakan unilateral Amerika Syarikat dalam beberapa isu kritikal yang membelakangkan inisiatif multilateralisme ataupun prinsip mencapai keputusan menerusi proses rundingcara antara negara yang disokong oleh NAM selama ini.

14. Disamping itu, proses globalisasi dan liberalisasi perdagangan yang didokong oleh WTO yang didakwa menjanjikan kemakmuran sebaliknya hanya menguntungkan negara-negara maju sahaja sedangkan negara-negara membangun terus terpinggir dan ketinggalan daripada arus pembangunan. Justeru itu, adalah penting bagi pemimpin negara-negara anggota NAM untuk mengemukakan pendirian dan maklumbalas mereka terhadap isu-isu sedemikian bagi memastikan kepentingan dan hasrat negara-negara membangun dapat dipertahankan.

15. Sehingga kini seramai 57 Ketua-ketua Negara-negara anggota NAM telah mengesahkan kehadiran mereka di Persidangan NAM ke-XIII ini. Pada Sidang Kemuncak Ke-XII di Durban yang lalu, hanya 45 Ketua-ketua Negara NAM menyertai Sidang Kemuncak tersebut. Ternyata dari sini, bahawa Malaysia mempunyai daya penarikan istimewa kepada negara-negara anggota NAM yang lain berdasarkan kepada kemajuan dan pembangunan pesat negara kita dan juga kepercayaan besar mereka terhadap kepimpinan kita selaku Pengerusi NAM akan datang. Malaysia berharap supaya Sidang Kemuncak Ke-XIII NAM dapat menyuntik semangat baru kepada NAM. Masa hadapan NAM bergantung penuh kepada "political will" dan kerjasama erat semua ahli-ahlinya.

16. Sebagai Pengerusi NAM, Malaysia harus memainkan peranan dan tanggungjawab dengan lebih aktif lagi di persada hubungan antarabangsa dalam memperjuang dan mempertahankan kepentingan dan hasrat negara-negara membangun. Adalah sesuatu yang amat menguntungkan bilamana kebanyakan dasar dan pendirian NAM adalah sejajar dengan dasar dan pendirian negara seperti dalam isu Palestin, globalisasi dan liberalisasi perdagangan, serta pembasmian kemiskinan dan penghapusan hutang negara-negara miskin. Ini bermakna, apabila Malaysia memperjuang dan mempertahankan dasar dan pendirian NAM kita juga sebenarnya memperjuang dan mempertahankan dasar dan pendirian negara dalam masa yang sama.

17. Saya percaya NAM akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan di arena antarabangsa sekiranya wujud semangat kerjasama yang erat di antara ahli-ahlinya. Seperti yang kita ketahui, NAM terdiri daripada negara-negara yang mempunyai ideologi yang berlainan dan taraf pembangunan dan kehidupan yang jauh berbeza. Namun begitu, dalam banyak isu, NAM telah berjaya mengambil pendirian bersama dalam pelbagai isu yang berkepentingan kepada ahli-ahlinya. Sebagai bakal pengerusi NAM, Malaysia berharap satu mekanisma baru dapat diwujudkan supaya

NAM boleh meningkatkan keupayaannya untuk bersepakat dan bergerak secara bersatu dalam menangani isu-isu kepentingan bersama, terutamanya dalam soal pembangunan ekonomi setiap negara ahli. Ini adalah kerana kekuatan dalaman ahli-ahlinya dan komitmen setiap ahli untuk bekerjasama.

18. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada KUTPM di atas usahanya mengadakan Forum ini. Saya berharap Forum ini akan dapat meningkatkan pengetahuan para pelajar dan hadirin sekalian terhadap NAM di samping mencetus ide-ide baru kearah peningkatan prestasi dan keberkesanan Pergerakan tersebut.

19. Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, merasmikan pembukaan Forum NAM ini.

Terima kasih.